DASAR PENGAMBILAN
DAN
SYARAT KEMASUKAN KE PROGRAM-PROGRAM
PUSAT MINDA LESTARI

Dasar ini telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PBPU Bil. 11 /2017 kali ke-217) pada 25 Oktober 2017 dan berkuatkuasa bermula ambilan tahun 2018.

DASAR PENGAMBILAN DAN SYARAT KEMASUKAN
KE PROGRAM-PROGRAM PUSAT MINDA LESTARI

1.0 Pengenalan

1.1 Dasar pengambilan dan syarat kemasukan mengikuti program-program di Pusat Minda Lestari (PML) ini diwujudkan sebagai rujukan dalam membuat pertimbangan pemilihan yang lebih telus disebabkan masalah permintaan kemasukan ke PML yang sangat tinggi tetapi kuota yang amat terhad.

1.2 Dasar ini juga memberi peluang kepada warga universiti yang terdiri daripada pelbagai peringkat jawatan dengan mengambilkira pendapatan perkapita isi rumah agar lebih adil kepada mereka yang berpendapatan rendah dan memerlukan lebih bantuan. Yuran yang dikenakan adalah yang termurah dan pihak UMS masih menampung sebahagian besar kos operasi PML terutama dari segi emolumen dan penyelenggaraan bangunan.

BAHAGIAN A – DASAR PENGAMBILAN

2.0 Dasar Pengambilan

2.1 Prosedur pemilihan dilaksanakan melalui pertimbangan permohonan oleh Jawatankuasa Kemasukan Kanak-Kanak/Murid PML.

2.2 Jawatankuasa ini merupakan sebuah jawatankuasa bertindak yang dilantik oleh Lembaga Pengelola PML dan terdiri daripada;

Bil.	keahlian
1.	Pengerusi **Pengarah PML**
2.	Setiausaha **Penolong Pendaftar PML**
3.	Wakil Jabatan Pendaftar **Ketua Seksyen Perkhidmatan, Jabatan Pendaftar**
4.	Wakil Jabatan Bendahari **Ketua Zon Bendahari (PML)**

5.	Wakil ibu bapa/penjaga **YDP PIBG**
6.	Wakil Majlis Bersama Jabatan (MBJ) **Pegawai Unit Perhubungan Pekerja/Urus setia Majlis Bersama Jabatan**
7.	Semua Penyelia PML **Penyelia Tadika** **Penyelia Taska** **Penyelia Daycare/Transit**
8.	Urusetia **Kakitangan pentadbiran dan kewangan PML.**

2.3 Hanya permohonan yang menepati syarat umum dan syarat khusus bagi program di PML serta melengkapkan semua dokumen yang diperlukan akan dipertimbangkan.

2.4 Pertimbangan adalah berdasarkan kriteria-kriteria pemilihan yang telah ditetapkan.

2.5 Yuran yang dikenakan adalah mengikut kategori pendapatan perkapita seperti di bawah;

BIL.	KATEGORI PEMOHON	PENDAPATAN PERKAPITA ISI RUMAH	YURAN YANG DIKENAKAN	KUOTA KEMASUKAN
1.	Kategori A	Tidak melebihi RM3000	Akan dimaklumkan kemudian, selepas yuran baharu yang dicadangkan diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Universiti Bil. 4/2017 (65) yang dijadualkan pada 16 November 2017.	**80%** daripada kuota sebenar Setiap kategori kumpulan dalam program.
2.	Kategori B	Melebihi RM3000		**20%** daripada kuota sebenar setiap kategori kumpulan dalam program.
3.	Kategori C (Bukan Kakitangan UMS)	Pendapatan perkapita tidak diambilkira		Hanya ditawarkan sekiranya terdapat kekosongan selepas pendaftaran kemasukan baharu.

2.6 Kuota kemasukan bagi setiap kategori kumpulan dalam program adalah berbeza berdasarkan kategori pemohon. Bagaimanapun kuota ini boleh berubah berdasarkan bilangan permohonan tertakluk keperluan semasa.

2.7 Bilangan anak yang akan dipertimbangkan untuk mengikuti program-program di PML sama ada di Taska/Tadika tidak melebihi dua orang bagi memberi peluang kepada kakitangan lain. Permohonan yang melebihi bilangan dua orang anak hanya boleh dipertimbangkan tertakluk kepada kekosongan tempat yang ada.

2.8 Permohonan kemasukan kepada pihak luar (bukan kakitangan UMS) hanya akan dibuka sekiranya masih terdapat kekosongan tempat. Bagaimanapun, yuran yang dikenakan adalah berbeza dengan yuran sedia ada dan tidak akan berpandukan pendapatan perkapita isi rumah.

2.9 Keputusan kemasukan yang diputuskan oleh Jawatankuasa Kemasukan Kanak-Kanak ke PML adalah **MUKTAMAD**.

2.10 Senarai simpanan dalam perhatian (*KIV*) tidak lagi akan dipertimbangkan. Permohonan baharu hanya akan dibuka berdasarkan makluman dari pihak PML.

3.0 Kriteria Pemilihan

3.1 Permohonan yang dihantar lengkap dengan dokumen-dokumen seperti yang dinyatakan dalam syarat permohonan kemasukan.

3.2 Keutamaan diberikan kepada kakitangan yang mempunyai pendapatan perkapita isi rumah terendah dengan pengiraan mengikut formula seperti di bawah;

Pendapatan gaji kasar (suami+isteri) / Bil. Tanggungan (anak di bawah umur 18 tahun termasuk diri sendiri dan pasangan) = Jumlah pendapatan perkapita

3.3 Cara pengiraan pendapatan bulanan isi rumah perkapita adalah seperti berikut;

Contoh pengiraan:

JUMLAH PENDAPATAN PERKAPITA	BILANGAN ANAK BAWAH 18 TAHUN	JUMLAH TANGGUNGAN KAKITANGAN TERMASUK PASANGAN	PENDAPATAN ISI RUMAH PERKAPITA
RM5000 (Kategori A)	2	4	RM5000 ÷ 4= **RM1250**

3.4 Pertimbangan juga dibuat berdasarkan jarak dari tempat kediaman kakitangan ke UMS dan keutamaan akan diberikan kepada kakitangan yang tinggal jauh dari tempat kerja.

3.5 Merit/*ranking* kedudukan permohonan akan berdasarkan jumlah pendapatan perkapita isi rumah terendah dan juga jarak tempat kediaman kakitangan.

3.6 Pematuhan kepada peraturan, etika dan disiplin (kakitangan atau ibu bapa) yang telah ditetapkan oleh PML pada tahun sebelumnya (sekiranya berkenaan) akan diambilkira untuk pertimbangan permohonan kemasukan tahun baharu.

3.7 Permohonan terawal *(first come, first serve basis)* hanya akan diambilkira sekiranya kriteria-kriteria yang dinyatakan di atas hampir sama bagi setiap pemohon.

BAHAGIAN B – SYARAT- SYARAT KEMASUKAN KE PROGRAM TASKA, TADIKA, DAYCARE DAN TRANSIT

4.0 Syarat Umum Kemasukan

4.1 Permohonan adalah terbuka kepada kakitangan universiti (lantikan tetap atau kontrak).

4.2 Pemohon mempunyai nombor pekerja dan penyata gaji dari UMS.

4.3 Permohonan perlu dibuat secara rasmi mengikut kaedah dan tarikh yang ditetapkan oleh PML.

4.4 Kemasukan ke program Taska perlu mengemukakan permohonan baharu setiap tahun dan tawaran secara terus ke tahun berikutnya tidak akan dibuat agar kakitangan lain juga berpeluang menghantar anak mereka ke PML.

4.5 Kemasukan kanak-kanak dari Taska berumur 3 tahun yang akan mengikuti program Tadika tahun berikutnya perlu mengemukakan permohonan baharu dan kuota adalah berdasarkan kekosongan tempat di Tadika.

4.6 Kemasukan ke program Tadika dan Daycare (murid berumur 5 dan 6 tahun) ke tahun berikutnya akan ditawarkan secara tawaran/serapan terus dan ibu bapa/penjaga perlu membuat pengesahan sama ada menerima atau menolak tawaran berkenaan.

4.7 Sekiranya masih terdapat kekosongan tempat di Tadika, pihak PML akan mempertimbangkan permohonan baharu.

4.8 Permohonan yang lengkap perlu dihantar dengan melampirkan satu salinan bagi setiap dokumen-dokumen berikut;

i. Salinan sijil kelahiran/Mykid anak (*anak yang hendak didaftarkan).*
ii. Salinan sijil kelahiran/Mykid anak dan sijil Pengangkatan daripada Jabatan Pendaftaran Negara jika anak angkat/anak pelihara.
iii. Salinan sijil kelahiran/Mykid anak dan dokumen menunjukkan hubungan dengan anak tersebut jika anak tiri.
iv. Salinan MyKad ibu bapa/penjaga atau pasport bagi kakitangan bukan warganegara.
v. Salinan penyata gaji suami/isteri. Bagi suami/isteri yang tidak berkhidmat dengan kerajaan sama ada suri rumah atau bekerja sendiri, dokumen atau keterangan berkaitan perlu disahkan oleh Ketua Kampung atau yang setaraf dengannya.
vi. Salinan rekod imunisasi anak dari hospital/klinik kerajaan atau swasta.
vii. Salinan surat hak penjagaan anak (sekiranya berkaitan).
viii. Bukti alamat tempat tinggal (sama ada bil air/elektrik/astro dan lain-lain).

**Penyata gaji hendaklah disahkan oleh majikan dan semua sijil kelahiran serta kad pengenalan perlu mendapat pengesahan dari Jabatan Pendaftaran Negara.*

4.9 Semua dokumen berkenaan merupakan keperluan untuk maklumat kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi program TASKA dan DAYCARE/TRANSIT serta pihak Jabatan Pendidikan Negeri untuk program TADIKA.

4.10 Verifikasi kesahihan maklumat pemohon akan dibuat oleh Jawatankuasa Kemasukan Kanak-kanak/Murid PML dan jawatankuasa ini mempunyai kuasa untuk tidak mempertimbangkan permohonan atau membatalkan/menarik semula tawaran yang telah diberi kepada pemohon sekiranya terbukti pemalsuan dokumen/maklumat oleh pemohon.

4.11 Sekiranya pemohon tidak lagi berkhidmat dalam UMS semasa tarikh pendaftaran kemasukan baharu, permohonan tersebut tidak dapat dipertimbangkan.

4.12 Bagi pemohon dari luar iaitu bukan kakitangan UMS, permohonan kemasukan adalah tertakluk kepada kekosongan yang ada.

5.0 Syarat Khusus Mengikut Program

5.1 Taska

i. Kanak-kanak yang hendak didaftarkan mengikuti progrm taska hendaklah berumur dari 3 bulan (mengikut bulan kelahiran) hingga 3 tahun (mengikut tahun kelahiran).
ii. Kanak-kanak yang tidak hadir dalam tempoh yang lama (melebihi seminggu) tanpa sebarang notis makluman akan dianggap telah berhenti dari pusat jagaan dan kekosongan akan diberikan kepada pemohon lain.
iii. Permohonan cuti lebih daripada 1 bulan ke atas (tidak melebihi 3 bulan) atas sebab yang munasabah boleh dipertimbangkan dengan syarat pemohon membayar yuran bulanan sebanyak 60 peratus daripada yuran bulanan sebenar yang dikenakan bagi menjamin tempat kanak-kanak berkenaan tidak diberikan kepada pemohon lain.

5.2 Tadika

i. Kanak-kanak yang hendak didaftarkan mengikuti program Tadika hendaklah
berumur dari 4 tahun hingga 6 tahun. (mengikut tahun kelahiran).
ii. Kanak-kanak yang tidak hadir dalam tempoh yang lama (melebihi seminggu) tanpa sebarang notis makluman akan dianggap telah berhenti dari persekolahan dan kekosongan akan diberikan kepada pemohon lain.
iii. Tiada pengurangan atau pengecualian yuran boleh diberikan bagi sebarang permohonan cuti. Yuran penuh hendaklah dibayar bagi menjamin tempat kanak-kanak tidak diberikan kepada pemohon lain.

5.3 Daycare

i. Kanak-kanak yang hendak didaftarkan mengikuti program Daycare hendaklah berumur dari 4 tahun hingga 6 tahun. (mengikut tahun kelahiran).
ii. Keutamaan diberikan kepada kanak-kanak yang ada mengikuti program Tadika PML.
iii. Kanak-kanak yang tidak hadir dalam tempoh yang lama (melebihi seminggu) tanpa sebarang notis makluman akan dianggap telah berhenti dari persekolahan. Kekosongan akan diberikan kepada pemohon lain dan yuran yang telah dibayar sebelum ini tidak akan dikembalikan.
iv. Pengurangan atau pengecualian yuran hanya boleh dipertimbangkan berdasarkan kes terutama masalah kesihatan yang diperakui oleh pegawai perubatan.

5.4 Transit

i. Kanak-kanak yang hendak didaftarkan mengikuti program Transit hendaklah berumur dari 7 tahun hingga 9 tahun. (mengikut tahun kelahiran).
ii. Permohonan untuk mengikuti program ini secara harian hendaklah dikemukakan kepada pihak PML seminggu lebih awal sebelum tarikh didaftarkan.
iii. Kanak-kanak yang tidak hadir dalam tempoh yang lama (melebihi seminggu) tanpa sebarang notis makluman akan dianggap telah berhenti dari persekolahan. Kekosongan akan diberikan kepada pemohon lain dan yuran yang telah dibayar sebelum ini tidak akan dikembalikan.
iv. Pengurangan atau pengecualian yuran hanya boleh dipertimbangkan berdasarkan kes terutama masalah kesihatan yang diperakui oleh pegawai perubatan.

BAHAGIAN C – TARIKH PERMOHONAN, TAWARAN KEMASUKAN DAN RAYUAN

6.0 Tarikh Permohonan dan Makluman Keputusan

6.1 Permohonan kemasukan ke PML akan dibuka dalam pertengahan bulan Oktober/November sebelum sesi baharu bermula.

6.2 Keputusan akan diumumkan pada awal bulan Disember.

7.0 Kaedah Pemohonan

7.1 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada PML dengan mengisi borang yang ditetapkan sama ada secara manual atau online *(tertakluk kepada kesediaan sistem).*

7.2 Pemohon hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) permohonan sahaja bagi setiap anak tertakluk kepada dua (2) permohonan meliputi program taska/tadika kecuali program daycare dan transit bagi setiap pasangan.

8.0 Tawaran Kemasukan dan Tempoh Sahlaku Surat Tawaran

8.1 Tawaran kemasukan hanya sah untuk satu (1) bulan sahaja dari tarikh pendaftaran kemasukan.

8.2 Borang pengesahan bagi penerimaan/penolakan tawaran kemasukan untuk calon sedia ada akan diberi kepada ibu bapa/penjaga untuk mendapatkan maklumbalas.

8.3 Ibu bapa/Penjaga yang ingin menangguhkan pendaftaran kemasukan anak ke PML hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada Pengarah/Guru Besar PML dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh surat tawaran dikeluarkan.

9.0 Pembatalan Tawaran Kemasukan

9.1 Tawaran kemasukan akan terbatal dengan sendirinya sekiranya:

i. Ibu bapa/Penjaga tidak memohon penangguhan kemasukan secara bertulis kepada Pengarah/Guru Besar PML dalam masa yang ditetapkan. Penangguhan boleh diberi tidak melebihi tempoh sebulan dari tarikh sepatutnya mendaftar.
ii. Ibu bapa tidak mendaftarkan anak selepas tamat tempoh penangguhan yang diluluskan.

9.2 Ibu bapa perlu membuat permohonan baharu sekiranya tawaran kemasukan terbatal.

10.0 Rayuan Kemasukan

Disebabkan kuota tempat yang sangat terhad di PML, tidak ada sebarang rayuan dapat dipertimbangkan. Bagaimanapun, sekiranya terdapat kekosongan tempat disebabkan pemohon yang membatalkan tawaran/menarik diri dalam tempoh yang dibenarkan, kekosongan tersebut akan ditawarkan kepada pemohon yang tersenarai dalam *ranking* selepas pemilihan dibuat.

11.0 Peruntukan Am

11.1 Lembaga Pengelola PML mempunyai kuasa untuk membuat apa-apa pindaan yang difikirkan sesuai dari semasa ke semasa terhadap kandungan yang terdapat dalam dasar ini.
11.2 Sebarang perubahan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Dasar dan syarat pengambilan kanak-kanak/murid PML ini telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PBPU Bil. 11 /2017 kali ke-217) pada 25 Oktober 2017 dan berkuatkuasa bermula ambilan tahun 2018.

PUSAT MINDA LESTARI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
JALAN UMS, 88400 KOTA KINABALU, SABAH
EXT :5103/5106

Cetakan 2017